



'Kerajaan, persatuan media perlu bincang vaksinasi pengamal media'

Oleh [Noor Atiqah Sulaiman](#) - Mac 9, 2021 @ 3:16pm
bhnews@bh.com.my

'Kerajaan, persatuan media perlu bincang vaksinasi pengam...



CYBERJAYA: Kelab Akhbar Kebangsaan (NPC) Malaysia berharap kerajaan mengadakan perbincangan dengannya dan persatuan yang menaungi media bagi memudah cara proses vaksinasi COVID-19 bagi pengamal media.

Presiden NPC, Datuk Ahirudin Attan, berkata warga media juga adalah petugas barisan hadapan yang perlu divaksinasi dalam fasa awal kerana mereka perlu 'turun padang' untuk mendapatkan bahan berita selain bersemuka dengan orang ramai.

Beliau berkata pihaknya juga bersedia mengadakan perbincangan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memudahkan proses suntikan vaksin berkenaan.

Bagaimanapun, Ahirudin berkata NPC tidak berniat memotong barisan petugas barisan hadapan sedia ada yang menerima suntikan vaksin ketika fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Agih tempat lain, bukan benar potong barisan](#)
- [KPM perinci guru terima vaksin fasa pertama](#)
- [Data peribadi penerima vaksin tidak dikongsi dengan syarikat pengeluar](#)
- [571,802 petugas terima dos pertama akhir Mac](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 13m [Rugi RM15,915 ditipu sindiket pelaburan tidak wujud](#)
- 45m [Kekurangan bekalan bahan, peralatan jejas pembuatan vaksin COVID-19](#)
- 57m [Lima kedai musnah dijilat api](#)
- 1h [Malang Juventus berulang dua musim berturut-turut](#)
- 1h [Dari pawagam ke rumah](#)
- 1h [PM tiba UAE untuk lawatan rasmi](#)
- 1h [Haaland wira Dortmund atasi Sevilla](#)
- 2h [Keputusan aksi Liga Juara-Juara](#)

StreamYard Broadcast

The Easiest Way To C
Professional Live Stre

WAKSIN



NASIONAL 11 jam yang lepas
[Khairy sangkal dakwaan Najib](#)



NASIONAL 13 jam yang lepas
[6,547 warga pertahanan sudah divaksin](#)



WILAYAH Mac 9, 2021 @ 7:33pm

"Pengamal media ini bukannya petugas barisan hadapan yang berada di 'depan', namun mereka (media) ini pun berada di kawasan yang berisiko.

"Kita tahu ada individu yang lebih penting berbanding wartawan, namun kita mahu pengamal media ini tidak diketepikan.

Stre

"Khairy Jamaluddin (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi) sangat telus dalam pembahagian vaksin, kalau boleh bercakap dengan kami (NPC) atau Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ).

"Kami sedia mengadakan perbincangan dan membantu melancarkan proses (pemberian vaksin). Itu harapan kami," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui media selepas menerima sumbangan dana untuk Tabung Kebajikan Wartawan (JWF) NPC daripada syarikat rangkaian makanan Pop Meals, di sini hari ini.

Sebelum ini, Khairy dilaporkan berkata Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) belum menyenaraikan pengamal media sebagai individu yang terbahit dalam fasa pertama.

"JKVAV sudah tubuhkan satu jawatankuasa kecil untuk melihat senarai permohonan untuk pemberian vaksin seperti yang diterima daripada pengamal media.

"Kita ada satu mesyuarat pada Khamis ini dan akan memaklumkan sekiranya terdapat kemas kini untuk untuk pengamal media," kata Khairy.

Sementara itu mengenai sumbangan berkenaan, Pengurus Komunikasi Pop Meals, Nurul Jamaludin Nurul, berkata pihaknya menyumbang wang tunai RM5,000 kepada NPC serta 1,000 set kutleri berkualiti bernilai RM23,900.

Nurul berkata, set kutlerimakan itu akan diterima individu yang memberikan kod promo khas yang akan diberikan oleh NPC ketika pembelian dalam aplikasi Pop Meals.



Kes COVID-19 di Sabah turun tiga hari berturut-turut



AMERIKA Mac 9, 2021 @ 4:42pm
AS kecam penyebaran maklumat palsu vaksin COVID-19

NASIONAL Mac 9, 2021 @ 3:37pm



12,000 guru KEMAS bakal terima vaksin COVID-19



NASIONAL Mac 9, 2021 @ 3:16pm
'Kerajaan, persatuan media perlu bincang vaksinasi pengamal media'

TRENDING



KES 3 jam yang lepas
Penjual kuih dibunuh, mayat sorok bawah katil



NASIONAL 11 jam yang lepas
Khairy sangkal dakwaan Najib



BOLA 11 jam yang lepas
Penang buat JDT bermandi peluh



NASIONAL Mac 9, 2021 @ 5:57pm
Pelancongan rentas negeri PKPP dibenarkan esok



NASIONAL Mac 9, 2021 @ 2:30pm
Jenazah diusung semula dari kubur ke hospital

MYRESIPI



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:45pm
Dah Bosan Asyik Makan Sambal Belacan Je? Jom Cuba Resepi Sambal Kucai Pula, Padu!



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:44pm
Resepi Tauhu Kukus Sos Tiram Chinese Style, Simple Tapi Lazat



INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm
Resepi Bubur Kacang Hijau Durian Kegemaran Ramai, Pembuka Selera Yang Terbaik!



INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm
Resepi Ikan Percik Simple Ala Kelantan



INFOMASI Mac 5, 2021 @ 2:52pm



Presiden Kelab Akhbar Kebangsaan (NPC), Datuk Ahirudin Attan menerima sumbangan daripada Pengurus Komunikasi Pop Meals, Nurul Jamaludin pada majlis penyerahan sumbangan kepada NPC bagi membantu pengamal media ketika berdepan pandemik COVID-19. - Foto NSTP/Luqman Hakim Zubir




[Ini Resepi Kalio Ayam Minang, Sesuai Dinikmati Bersama Keluarga](#)

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 16, 2021 @ 4:52pm
150 pengamal media di Sarawak bakal terima vaksin COVID-19 fasa pertama



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 2:11pm
GP swasta tersenarai sebagai vaksinator fasa kedua, ketiga



NASIONAL Mac 1, 2021 @ 2:46pm
Vaksin: Kompaun menanti individu potong giliran



SELEBRITI Apr 12, 2020 @ 8:30am
COVID-19: Selebriti, penerbit bantu wartawan cegah jangkitan



IKUTI KAMI DI:



[BERITA](#)
[BHPLUS](#)
[Nasional](#)
[Kes](#)
[Politik](#)
[Pendidikan](#)

[SUKAN](#)
[DUNIA](#)
[HIBURAN](#)
[BISNES](#)
[RENCANA](#)
[WANITA](#)

[MULTIMEDIA](#)
[Foto](#)
[BHTV](#)
[Infografik](#)

[LANGGAN](#)

[PERKHIDMATAN](#)
[Iklan Web](#)
[1Klassifieds](#)
[NSTP KLiK](#)

